

[THE CONCEPT OF SORCERY ACCORDING TO ISLAM AND ITS PRACTICE IN SOCIETY]

KONSEP SIHIR MENURUT ISLAM DAN PENGAMALANNYA DALAM MASYARAKAT

MUNA HAMZAN<sup>1\*</sup>  
MAHYUDDIN DAUD<sup>\*2</sup>

<sup>1</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan

<sup>2</sup>Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Email: munahamzan\_10@yahoo.com

---

Received: 30<sup>th</sup> September 2022

Accepted: 13<sup>th</sup> November 2022

Published: 31<sup>st</sup> December 2022

---

**Abstract**

*Sorcery is a behaviour or act carried out by an individual to obtain something by associating closely with supernatural or ethereal beings, such as jinn or the devil. To be more explicit, the practice of sorcery actually occurs when humans source help from the devil. Basically, this occurs because one is deceitful and despicable as well as having evil intentions. This study intends to discuss the concept of sorcery according to Islam and its practice in society. It presents a debate by Islamic scholars about the term 'sorcery' and the nature of sorcery according to Islam. It will also discuss society's attitude and perception about sorcery, the legislative mechanism that monitors sorcery-related crimes as well as fatwa related to sorcery in Malaysia. Data collection employed the documentation method (library research), whereby documents such as journals, books and articles were analysed. Findings indicate that the practice of sorcery needs to be legally defined as a criminal offense in Malaysia, both at the federal and state levels. A collective effort involving all relevant authorities should focus on curbing sorcery-related crimes.*

**Keywords:** Islam, Legislation, Crime, Sorcery

**ABSTRAK**

Sihir merupakan perlakuan atau perbuatan yang dilakukan oleh individu bagi mendapatkan sesuatu dengan cara mendekati diri kepada makhluk halus seperti jin dan syaitan. Secara jelasnya, amalan sihir sebenarnya berlaku apabila manusia menggunakan bantuan daripada syaitan. Asas kepada perkara tersebut adalah kerana mempunyai hati yang kotor dan tujuan yang jahat. Objektif kajian ini akan membincangkan konsep sihir menurut Islam dan pengamalannya dalam masyarakat. Kajian ini mengemukakan perbincangan oleh para ulama Islam tentang istilah sihir dan hakikat sihir menurut Islam. Kajian juga akan membincangkan kedudukan sihir dalam masyarakat dan mekanisme kawalan perundangan terhadap jenayah melibatkan sihir serta fatwa berkaitan sihir di Malaysia. Metodologi yang

digunakan dalam kajian ini ialah kaedah dokumentasi (perpustakaan) iaitu analisis dokumen seperti jurnal-jurnal, buku-buku dan artikel-artikel. Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa amalan sihir perlu dikanunkan sebagai satu kesalahan jenayah di Malaysia di peringkat undang-undang Persekutuan atau negeri. Usaha secara kolektif daripada semua pihak yang berautoriti seharusnya dilakukan bagi membendung jenayah yang melibatkan sihir ini.

**Kata kunci:** Islam, Undang-undang, Jenayah, Sihir

## PENDAHULUAN

Amalan sihir sememangnya telah menjadi salah satu ciri signifikan kepada kehidupan manusia. Hal ini dapat dibuktikan dengan kemunculan kepercayaan kepada semangat seperti animisme. Di samping itu, terdapat penemuan sejarah berkaitan dengan amalan sihir seperti peralatan yang digunakan dalam upacara sihir, teks berkaitan sihir dan sebagainya.

Malahan apabila diperhatikan, terdapat beberapa tamadun dan negara yang turut mempunyai perundangan berkaitan dengan sihir. Hal ini dapat dilihat terdapat undang-undang yang dilaksanakan bagi menyekat amalan sihir. Contohnya, undang-undang yang tertulis di dalam Kod *Visigoth*. Di dalam kod ini, amalan sihir dinyatakan sebagai kesalahan ajaran sesat dan hukuman bagi kesalahan tersebut adalah diikat dipancang dan dibakar. Walau bagaimanapun, Kod *Visigoth* hanya digunakan dalam kesalahan yang berkaitan dengan kesalahan agama Kristian kerana amalan sihir tidak termasuk sebagai kesalahan besar berdasarkan undang-undang sivil (Susan C. Karant-nunn dan Merry E. Wiesner-Hanks, 2003).

Di negara nusantara seperti Malaysia, pengamal sihir dikenali sebagai *bomoh*, *pawang*, *tok batin*, *dukun* dan banyak lagi. Berbeza pula gelaran yang diberikan kepada pengamal batin atau teknik luar biasa di negara barat seperti di Afrika. Antara gelarannya adalah *sangoma*, *witchdoctor*, *sorcerer*, *toa mali*, *jhakri* dan sebagainya (Amran Kasimin, 2009). Umumnya, terdapat panggilan terhadap pengamal batin atau teknik luar biasa adalah berbeza berdasarkan tempat tinggal masyarakat.

Walaupun pengamal batin atau teknik luar biasa dikaitkan dengan sihir tetapi tidak semua pengamal batin atau teknik luar biasa tersebut menjurus kepada sihir. Hal ini kerana terdapat individu yang menggunakan teknik dan petua orang terdahulu tanpa perantaraan makhluk ghaib sama ada syaitan atau jin. Ini adalah seperti petua dan rawatan dengan herba dan tumbuhan semulajadi. Ansaruddin Agus dan Mohammad Azlee A. Mutallib (2011) menjelaskan, pengamal sihir mendapatkan amalan ini dengan pelbagai pembelajaran tersendiri dan kadang kala memerlukan kepada persepakatan antara manusia dan jin.

Tujuan utama seseorang mengamalkan ilmu sihir adalah untuk mendapatkan kekuatan dalaman untuk menghasilkan perkara-perkara luar biasa, memukau, atau menjadikan sesuatu patuh kepada arahnya secara paksaan. Terdapat pelbagai kaedah atau ciri-ciri untuk mengenali pengamal sihir berdasarkan amalan pengamal sihir antaranya (Haron Din, 2009):

- i. Pengakuan daripada individu sendiri mengamalkan sihir (*iqrar*).

- ii. Persahabatan manusia dengan jin seperti ada makhluk yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar membawa sesuatu kepadanya di hadapan mata yang melihat seperti membawa bunga atau herba atau senjata lama, batu permata dan sebagainya.
- iii. Terbukti bahawa seseorang itu tukang tilik atau dukun atau tukang nujum.
- iv. Menggunakan alat-alat yang pada kebiasaannya digunakan oleh pengamal sihir seperti keris lama, perasap kemenyan dengan tengkorak manusia atau haiwan dengan jampi serapah atau mantera yang tidak difahami maknanya.
- v. Menggunakan alat-alat tertentu seperti pinggan-pinggan dan mangkuk lama khusus untuk menilik nasib atau untuk membuat ramalan sesuatu yang ghaib.
- vi. Menggunakan tangkal-tangkal azimat atau rajah-rajah sihir untuk dipakai atau digantung atau diletakkan di tempat-tempat tertentu.
- vii. Mengajar atau mengamalkan ilmu yang menghasilkan perkara-perkara pelik yang menyalahi adat seperti ilmu penunduk, ilmu kebal atau ilmu bedah batin tanpa kesan parut.
- viii. Menghina sesuatu yang suci dalam Islam seperti memijak al-Quran atau menulis ayat-ayat al-Quran dengan najis-najis tertentu atau mengubah tulisan ayat al-Quran.
- ix. Menyeru dan memuja makhluk halus dengan melakukan upacara jamuan tertentu serta meminta tolong kepada makhluk tersebut.

Amalan sihir dalam masyarakat moden sebenarnya ini dilihat hampir sama dengan masyarakat tamadun awal manusia. Hal ini dapat dilihat apabila tangkal dan azimat masih digunakan oleh masyarakat moden. Malah, masih ada yang turut mempercayai tilikan masa depan berdasarkan *zodiak* dan seumpamanya.

## DEFINISI DAN ONTOLOGI SIHIR

Dari segi bahasa, perkataan sihir merupakan kalimah asal bahasa Arab iaitu *السحر* yang membawa maksud ubat “guna-guna”, hikmah dan kebinasaan (Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi, 1990). Selain itu, menurut Ibrahim Mustafa (1990), sihir adalah satu perbuatan yang memberi kesan terhadap penampilannya iaitu menjadikan penampilannya yang paling baik dan mengagumkan. Manakala, dari segi istilah pula, ia bermaksud perlakuan atau perbuatan yang dilakukan oleh individu bagi mendapatkan sesuatu dengan cara mendekati diri kepada makhluk halus seperti jin dan syaitan. Secara jelasnya, amalan sihir sebenarnya berlaku apabila manusia menggunakan bantuan daripada syaitan. Asas kepada perkara tersebut adalah kerana mempunyai hati yang kotor dan tujuan yang jahat. Manakala Ibn Qudamah Al-Maqdisi (1990) menyatakan:

Maksudnya: Sihir adalah simpulan, ikatan, jampi-jampi, perkataan yang dilontarkan secara lisan mahupun tulisan, atau melakukan sesuatu yang mempengaruhi badan, hati atau akal orang yang terkena sihir tanpa berhubung langsung dengannya. Sihir ini mempunyai hakikat. Antaranya ada yang boleh membawa kematian, kesakitan, menjejaskan hubungan suami isteri atau memisahkan suami isteri atau membuat salah satu pihak membenci antara satu sama lain atau juga membuat kedua belah pihak saling mencintai.

Berdasarkan kepada perbincangan yang dikemukakan oleh para ulama dan cendekiawan tentang makna sihir dari sudut istilah, sihir dapat difahami sebagai suatu ilmu yang dipelajari oleh pengamalnya dengan tujuan mendekati diri kepada makhluk halus seperti jin dan syaitan

melalui pemujaan, penyembahan dan pergantungan kepada selain Allah S.W.T. Sihir juga boleh berlaku apabila seseorang itu melakukan perkara-perkara syirik kepada Allah S.W.T seperti menyembah patung, membaca jampi-jampi syirik dan mengutuk Allah S.W.T, mengubah dan menghina ayat-ayat al-Quran dan lain-lain perbuatan yang diharamkan dalam Islam. Sihir juga dilakukan atas motif seperti masalah jiwa yang jahat dan berpunca perasaan hasad dengki terhadap seseorang yang lain. Kesan sihir menyebabkan berlaku pelbagai perubahan yang jelas pada mangsa sihir sama ada dari sudut jasmani dan rohaninya. Sebagai contoh, mangsa sihir akan mengalami penyakit-penyakit fizikal yang ganjil sehingga tidak dapat dikenal pasti dalam rawatan moden, kecelaruan perasaan, kebencian yang mendalam, menghadapi tekanan jiwa dan sebagainya.

Kesimpulannya, sihir adalah satu ilmu yang mempunyai unsur syirik melalui perantaraan makhluk halus seperti jin dan syaitan, bertujuan untuk mendatangkan pelbagai kesakitan dan penyakit kepada mangsa yang disihir mengikut jenis sihir yang ditujukan oleh penjenayah yang melakukan sihir.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini memilih kaedah pengumpulan data iaitu kaedah dokumentasi (perpustakaan). Penggunaan kaedah kajian dokumentasi (perpustakaan) ini sangat penting bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian dengan tepat dan jitu. Selain itu, pengumpulan data melalui analisis dokumen dipilih kerana dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah kajian (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Kaedah ini juga merupakan salah satu cara untuk mendapat maklumat dan fakta berkaitan dengan bidang kajian. Pemerolehan maklumat ini kebiasaannya mudah didapati melalui buku-buku, artikel dan jurnal, bahasa Melayu serta koleksi kajian ilmiah yang lepas. Dalam kajian ini, pengumpulan data-data bagi kajian ini merangkumi sumber kontemporari. Bagi penulisan kontemporari, kajian ini merujuk kepada beberapa buah buku dan jurnal yang berkaitan dengan kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga turut mendalami hakikat sihir menurut Islam, kedudukan sihir dalam masyarakat bermula tamadun awal manusia hingga kini, bentuk dan amalan sihir yang berlaku dalam masyarakat, mekanisme kawalan perundangan terhadap jenayah melibatkan sihir serta fatwa berkaitan sihir di Malaysia. Fatwa-fatwa yang berkaitan antaranya seperti Fatwa Berkaitan Penggunaan Ilmu Sihir di Malaysia. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-33, Ke-39 dan Ke-40, pada tahun 1995 dan 1996 telah mengadakan persidangan dan membincangkan isu berkaitan amalan ilmu hitam dan sihir. Keputusan muzakarah tersebut menunjukkan bahawa isu berkaitan ilmu dan amalan sihir ini perlu dipandang serius oleh pihak berwajib.

## **ANALISIS DATA, DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Setiap perundangan yang digubal mempunyai tujuan yang tertentu. Salah satu faktor perundangan digubal adalah untuk menghalang perbuatan seseorang daripada menjejaskan hak individu lain. Selain itu, penggubalan undang-undang juga penting bagi menjaga kepentingan setiap individu dalam masyarakat. Sejarah telah memperlihatkan bahawa ilmu sihir pernah menjadi amalan masyarakat setempat walaupun pada hakikatnya amalan sihir merupakan salah satu amalan yang mencabuli hak asasi dan kepentingan nyawa manusia.

Di negara Arab Saudi, kesalahan sihir merupakan salah satu jenayah berat. Hukumannya pula tertakluk kepada budi bicara hakim. Terdapat satu contoh kes yang pernah berlaku di Arab Saudi melibatkan jenayah sihir iaitu kes Fawza Salih. Di dalam kes ini beliau dituduh mengamalkan amalan sihir. Selain itu, tertuduh juga tidak diberi peluang untuk membela diri apabila tiada peruntukan khusus berkaitan dengan jenayah sihir di Arab Saudi. Kes ini dan kes-kes yang melibatkan sihir diputuskan hanya bergantung kepada budi bicara hakim (Mahyuddin Ismail, 2011).

Hasil kajian mendapati bahawa penggubalan undang-undang bagi mengekang perkembangan amalan sihir adalah sangat signifikan dan wajar. Selain itu, kajian mendapati antara punca ketiadaan undang-undang jenayah sihir yang khusus adalah kerana ketiadaan pakar dalam bidang berkaitan yang mampu menghuraikan keterangan yang perlu dikemukakan di mahkamah. Akhirnya, undang-undang berkaitan amalan sihir yang pernah wujud di beberapa negara telah dimansuhkan, selain wujudnya pelbagai persepsi yang menafikan kewujudan ilmu sihir kepada manusia pada zaman teknologi pada hari ini. Pemansuhan terhadap undang-undang tersebut dikaitkan dengan dua faktor. Faktor pertama adalah rasa ketidakadilan dalam kalangan masyarakat minoriti yang mempunyai kepercayaan agama yang berbeza. Manakala faktor kedua adalah ketiadaan mereka yang mahir dalam membezakan amalan sihir dan kepercayaan agama.

## **KESIMPULAN**

Penggunaan ilmu sihir adalah bersifat global dan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat di seluruh dunia tanpa mengira kedudukan sesebuah negara sama ada mundur atau maju. Ia adalah antara ilmu tertua yang diamalkan dan diwarisi turun temurun semenjak bermulanya sejarah manusia hinggalah ke hari ini. Antara sihir yang kerap berlaku kepada mangsa dalam masyarakat di Malaysia adalah sihir perceraian, sihir pengasih dan sihir santau. Ketiga-tiga jenis sihir ini mempunyai tanda-tanda yang tersendiri berdasarkan kepada kaedah khusus yang dilakukan oleh pengamal sihir. Walaupun pelbagai nama yang disandarkan kepada sihir, namun matlamatnya adalah satu iaitu memberikan kemudharatan kepada seseorang.

Pelbagai punca yang menyebabkan seseorang mengamalkan dan menggunakan sihir antaranya ialah akibat kejahilan ilmu akidah, membalas dendam kesumat, hasad dengki, hasutan jin dan syaitan, mencari keuntungan peribadi dan sebagainya. Amalan sihir yang bermula sejak tamadun lampau masih lagi diamalkan di zaman moden ini. Berbanding beberapa negara lain yang pernah mempunyai perundangan sihir walaupun kemudiannya dimansuhkan, Malaysia di peringkat undang-undang Persekutuan atau negeri masih lagi tidak mengkanunkan sihir sebagai satu kesalahan jenayah. Usaha secara kolektif dari semua pihak yang berautoriti seharusnya dilakukan bagi membendung jenayah yang melibatkan sihir ini.

**RUJUKAN**

- Amran Kasimin (2009). *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ansaruddin Agus dan Mohammad Azlee A. Mutallib (2011). *Perangi Sihir*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Haron Din (2009). "*Sihir: Kesannya Kepada Aqidah Dan Bagaimana Mengatasinya*", *Kertas Persidangan Muzakarah Pakar: Bentuk-Bentuk Sihir Pengasih & Metodologi Diagnosis*. Selangor: Jabatan Mufti Selangor.
- Ibn Qudamah Al-Maqdisi (1990). *Al-Mughni*. Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah.
- Ibrahim Mustafa (1990). *Al-Mu'jam Wasith*. Jld. ke-2. Istanbul: Dar al-Dakwah.
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahyuddin Ismail (2011). *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Publication.
- Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1990). *Kamus Idris Al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikri Sdn. Bhd.
- Susan C. Karant-nunn & Merry E. Wiesner-Hanks (2003). *Luther On Women: A Sourcebook*. Cambridge: Cambridge Univesity Press.